



**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA**

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 10 TAHUN 2001

**GARISPANDUAN PERMOHONAN PENGIKTIRAFAN
KELAYAKAN UNTUK INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI AWAM**

1. TUJUAN

Tujuan Pekeliling ini adalah untuk memberi garis panduan kepada semua Institusi Pengajian Tinggi Awam tentang tatacara permohonan pengiktirafan kelayakan daripada Jawatankuasa Tetap Penilaian dan Pengiktirafan Kelayakan yang dipengerusikan oleh Y.B. Menteri Pendidikan Malaysia dan diurusetikan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam, Malaysia.

2. LATAR BELAKANG

Sebagai satu langkah penambahbaikan yang berterusan Jawatankuasa Tetap Penilaian dan Pengiktirafan Kelayakan (JTPPK) telah menetapkan supaya diadakan satu Garispanduan bertulis yang jelas agar dapat dipatuhi oleh semua Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dalam mengendalikan urusan pengiktirafan kelayakan yang ditawarkan di institusi masing-masing.

3. GARISPANDUAN

- 3.1 Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Penilaian dan Pengiktirafan Kelayakan kali ke 76 pada 5 April 2001 telah bersetuju supaya Garispanduan Permohonan Pengiktirafan Kelayakan seperti di Lampiran A berkembar digunapakai oleh semua IPTA.
- 3.2 Sebarang perubahan kurikulum ke atas kelayakan yang telah diiktiraf yang melebihi 30% hendaklah dirujuk semula ke Urusetia JTPPK sebaik sahaja mendapat kelulusan daripada Kementerian Pendidikan Malaysia supaya dapat dimaklumkan kepada Jawatankuasa Kecil berkaitan dan Jawatankuasa Tetap Penilaian dan Pengiktirafan Kelayakan.

3.3 Semua IPTA adalah juga diingatkan bahawa sebarang perubahan nama kelayakan yang telah diiktiraf hendaklah dirujuk semula kepada Urusetia sebaik sahaja mendapat kelulusan daripada Kementerian Pendidikan Malaysia.

4. TARIKH KUATKUASA

Garis panduan ini berkuatkuasa pada tarikh ia dikeluarkan.

5. PERTANYAAN


Sebarang pertanyaan mengenai Garispanduan ini hendaklah dialamatkan kepada:

Unit Pengiktirafan Kelayakan
Bahagian Latihan
Jabatan Perkhidmatan Awam, Malaysia
Parcel C, Blok C1, Aras 6,
62510 PUTRAJAYA.

Telefon : 03-8885 3000
Fax : 03-8889 2179
E-Mail : recog@jpa.gov.my

6. PENUTUP

Adalah diharapkan dengan adanya Garispanduan ini urusan pengiktirafan kelayakan akan dapat dijalankan dengan lebih cekap dan berkesan.



(DATO' ISMAIL BIN ADAM)

Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Pembangunan)
b/p Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia

Tarikh: 1 November 2001

**GARISPANDUAN PERMOHONAN PENGIKTIRAFAN
KELAYAKAN UNTUK INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI AWAM**

TUJUAN

1. Tujuan garis panduan ini adalah untuk memberi penjelasan kepada semua Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) tentang tatacara memohon pengiktirafan Kerajaan bagi kursus-kursus yang baru ditawarkan diperingkat Diploma, Diploma Lanjutan dan Ijazah Pertama. Dengan adanya garis panduan ini diharapkan IPTA dapat menyediakan maklumat yang lengkap dalam tempoh yang ditetapkan agar proses penilaian dan pengiktirafan dapat dilakukan sebelum pelajar-pelajar pertama kursus berkenaan tamat pengajian. Dengan cara ini adalah diharapkan pelbagai masalah yang mungkin dihadapi oleh graduan kerana kelayakannya belum diiktiraf akan dapat dielakkan di masa hadapan.

TUJUAN PENGIKTIRAFAN KERAJAAN

2. Tujuan utama urusan pengiktirafan kelayakan adalah untuk memastikan mutu sesuatu kelayakan yang dikeluarkan oleh sesebuah IPTA itu mencapai tahap yang dikehendaki oleh Kerajaan bagi membolehkan pemegang kelayakan berkenaan dilantik ke dalam Perkhidmatan Awam. Ini adalah kerana Pihak Berkuasa Melantik hanya boleh melantik mereka yang mempunyai kelayakan yang telah diiktiraf oleh Kerajaan untuk menjawat jawatan dalam Perkhidmatan Awam sebagaimana ditetapkan dalam skim-skim perkhidmatan. Di samping tujuan yang asas ini terdapat juga pihak-

pihak lain yang menggunakan pengiktirafan Kerajaan ke atas sesuatu kelayakan dalam proses membuat keputusan. Badan-badan Kerajaan dan swasta yang memberi kemudahan biasiswa dan pinjaman kepada pelajar-pelajar sering menggunakan status pengiktirafan kelayakan ini sebagai salah satu daripada kriteria pertimbangan. Terdapat juga pihak swasta yang menggunakan pengiktirafan Kerajaan ini dalam menentukan perlantikan dan tanggagaji anggotanya. Di samping itu pihak institusi pengajian juga menggunakan pengiktirafan Kerajaan dalam urusan penerimaan masuk pelajar-pelajar secara pindahan kredit atau ke peringkat yang lebih tinggi sama ada di peringkat Diploma, Ijazah Pertama atau Ijazah Lanjutan

BILA PATUT MEMOHON

3. Memandangkan urusan pengiktirafan kelayakan adalah satu proses yang memerlukan masa yang agak panjang, semua IPTA hendaklah mengemukakan permohonan pengiktirafan sebelum pelajar pertama kursus berkenaan bergraduan. Sebagai panduan, waktu yang paling sesuai bagi IPTA mengemukakan permohonan adalah seperti berikut:

Tempoh Kursus	Waktu Permohonan
3 tahun	Awal Semester 4
4 tahun	Awal Semester 6
5 tahun	Awal Semester 8

4. Bagi kelayakan dalam bidang profesional seperti perubatan, pergigian, farmasi, kejuruteraan, senibina, ukur bahan, penilaian hartanah, perancang bandar dan desa, perakaunan dan undang-undang, perbincangan dengan badan-badan profesional berkaitan hendaklah diadakan sebelum dan di pertengahan kursus dijalankan.

PROSIDUR MEMOHON PENGIKTIRAFAN

5. Semua permohonan bagi pengiktirafan hendaklah dialamatkan kepada Unit Pengiktirafan Kelayakan, Bahagian Latihan, Jabatan Perkhidmatan Awam, Parcel C, Blok C1, Aras 6, 62510 PUTRAJAYA. Sebanyak 25 salinan kertaskerja diperlukan untuk semakan Urusetia dan Ahli-ahli Jawatankuasa Penilaian.
6. Bagi kelayakan dalam bidang profesional seperti perubatan, pergigian, farmasi, kejuruteraan, senibina, ukur bahan, penilaian hartanah, perancang bandar dan desa, undang-undang dan perakaunan permohonan pengiktirafan dari badan-badan profesional yang berkenaan hendaklah juga dibuat oleh IPTA berkenaan.

JAWATANKUASA PENGIKTIRAFAN

7. Sejak dari 10 Oktober 1972 kuasa untuk mengiktiraf sesuatu kelayakan telah diberi oleh Jemaah Menteri kepada Jawatankuasa Tetap Penilaian dan Pengiktirafan Kelayakan (JTPPK). Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Y.B. Menteri Pendidikan. Sebelum sesuatu kelayakan itu diberi pertimbangan oleh JTPPK

ianya akan disemak dan dinilai terlebih dahulu oleh Jawatankuasa Kecil yang berkaitan.

8. Terdapat empat buah Jawatankuasa Kecil yang ditubuhkan bagi melaksanakan penilaian mengikut bidang berkaitan iaitu:
 - (i) Jawatankuasa Kecil Kelayakan Sastera dan Sains Kemasyarakatan (JKSK) yang dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam, Malaysia;
 - (ii) Jawatankuasa Kecil Kelayakan Teknik (JKKT) yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah, Jabatan Kerja Raya Semenanjung Malaysia;
 - (iii) Jawatankuasa Kecil Kelayakan Sains (JKKS) yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah, Jabatan Pertanian Malaysia; dan
 - (iv) Jawatankuasa Kecil Kelayakan Perubatan dan Separa Perubatan (JKPSP) yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Kesihatan, Malaysia.

9. Jawatankuasa Kecil ini dianggotai oleh wakil-wakil dari institusi pengajian tinggi tempatan, Jabatan Kerajaan dan badan-badan profesional yang berkaitan. Semasa penilaian dilakukan oleh Jawatankuasa Kecil ini, wakil IPT boleh diminta hadir dalam mesyuarat tersebut untuk memberi keterangan lanjut. Dalam kes tertentu, lawatan ke premis pemohon akan dilakukan sekiranya Jawatankuasa Kecil berpendapat tinjauan untuk melihat kemudahan

yang disediakan dan pengumpulan maklumat lebih terperinci diperlukan.

10. Permohonan yang telah selesai dibuat penilaian oleh Jawatankuasa Kecil akan diperakukan kepada JTPPK untuk dibuat keputusan tentang pengiktirafannya.

MAKLUMAT YANG DIPERLUKAN

11. Maklumat yang perlu disediakan oleh IPTA dalam mengemukakan permohonan pengiktirafan dibahagikan kepada dua belas (12) bahagian iaitu:

- (i) Maklumat Am;
- (ii) Kelayakan Masuk;
- (iii) Tempoh Kursus;
- (iv) Bahasa Pengantar;
- (v) Struktur Kursus dan Kurikulum;
- (vi) Sinopsis/Course Outline dan Senarai Rujukan/Senarai Bacaan;
- (vii) Sistem Penilaian;
- (viii) Tenaga Pengajar;
- (ix) Pemeriksa Luar;
- (x) Kemudahan Pembelajaran;
- (xi) Pengiktirafan oleh Badan Profesional, jika berkaitan;
- (xii) Hubungan dengan institusi lain.

Maklumat Am

12. Nyatakan latar belakang institusi/fakulti, objektif kursus, justifikasi menawarkan kursus ini dan prospek kerjaya pelajar serta samada kursus ini ditawarkan di IPTA lain. Nyatakan Gelaran Ijazah dan singkatannya.
13. Tarikh kelulusan Senat, tarikh kelulusan Lembaga Pengarah dan tarikh kelulusan Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia (sertakan salinan surat kelulusan daripada Kementerian Pendidikan).
14. Nyatakan juga bilangan pelajar yang sedang belajar, pengambilan tahunan dan graduan pertama dijangka keluar.

Kelayakan Masuk

15. Nyatakan kelayakan masuk yang digunakan bagi program yang dipohon pengiktirafan.

Tempoh Kursus

16. Nyatakan tempoh minimum bagi sesuatu program dan tempoh maksimum yang dibenarkan bagi seseorang pelajar menamatkan pengajian (Jelaskan juga tempoh pengajian bagi program separuh masa jika ada).

Bahasa Pengantar

17. Nyatakan bahasa yang digunakan dalam pengajaran kursus ini.

Struktur Kursus dan Kurikulum

18. Nyatakan struktur kursus yang mengandungi maklumat antara lain seperti berikut:

- (i) Jumlah jam kredit mengikut semester dan nyatakan takrif kredit yang digunakan.
- (ii) Pembahagian pecahan jam kredit seperti berikut:
 - (a) kursus universiti (IPT);
 - (b) kursus fakulti (kolej/sekolah);
 - (c) kursus pengkhususan jabatan (teras & elektif).
- (iii) Senaraikan setiap matapelajaran yang perlu dipelajari;
- (iv) Jumlah jam tembungan bagi aktiviti seperti syarahan, tutorial, seminar, amali, kajian kes, pengajian klinikal, bacaan terarah dan sebagainya;
- (v) Tempoh, kaedah dan agihan jam kredit latihan industri/kerja lapangan
- (vi) Projek tahunan akhir seperti laporan penyelidikan, laporan kajian kes dan agihan jam kreditnya. Nyatakan cara penilaian

projek tahun akhir misalnya lulus atau gagal atau Gred A - F dan sebagainya.

- (vii) Mekanisme kajian semula kurikulum yang digunakan seperti mempunyai Jawatankuasa Kurikulum.

Sinopsis/Course Outline dan Buku Rujukan

- 19. Sertakan ringkasan matapelajaran yang diajar serta sekurang-kurangnya lima (5) buah buku rujukan yang digunakan. Penulisan senarai rujukan boleh menggunakan kaedah APA, MLA dan sebagainya.

Sistem Penilaian

- 20. Nyatakan sistem penilaian yang digunakan bagi menilai seseorang pelajar. Di antara maklumat yang perlu disediakan adalah seperti berikut:
 - (i) Sistem agihan markah untuk Purata Nilai Gred (PNG) dan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK). Nyatakan senarai markah mengikut gred dan nilai gred yang digunakan.
 - (ii) Markah minimum PNGK untuk lulus dan syarat-syarat pengijazahan.
 - (iii) Peratus pemberatan pemarkahan yang digunakan dalam penilaian terhadap kaedah berikut:

- (a) Peperiksaan bertulis sama ada jenis buka buku, berbagai pilihan atau esei;
 - (b) Peperiksaan lisan;
 - (c) Peperiksaan praktik/amali/klinikal;
 - (d) Penilaian berterusan;
 - (e) Tesis/disertasi/laporan projek kursus/laporan kajian kes.
- (iv) Mekanisme pemulihan bagi pelajar-pelajar lemah.

Tenaga Pengajar

21. Maklumat tenaga pengajar yang lengkap perlu disediakan dan hendaklah merangkumi perkara berikut:
- (i) Senarai tenaga pengajar dengan kelayakan masing-masing mengikut unit/bahagian/jabatan.
 - (ii) Peratusan bilangan tenaga pengajar yang mengajar secara sepenuh masa dan sambilan yang terlibat dalam pembelajaran dan penilaian pelajar.
 - (iii) Nisbah tenaga pengajar dengan pelajar;
 - (iv) Mekanisme, pengambilan, latihan dan pembangunan tenaga pengajar.

Pemeriksa Luar

22. Nyatakan nama pemeriksa luar serta keterangan ringkas mengenai pengalamannya bagi program ini jika ada.

Kemudahan Pembelajaran dan Penyelidikan

23. Nyatakan kemudahan-kemudahan yang disediakan untuk pembelajaran dan juga penyelidikan. Maklumat mengenai kemudahan pembelajaran adalah penting untuk mengetahui persediaan yang dilakukan oleh sesebuah institusi dalam menawarkan sesuatu kursus. Kemudahan yang mencukupi akan membantu menjamin mutu pendidikan yang diberikan. Antara maklumat yang diperlukan adalah seperti berikut:

- (i) Bilangan makmal pembelajaran sendiri dan lokasinya;
- (ii) Bilangan makmal praktikal/amali yang utama dan lokasi;
- (iii) Bilangan komputer untuk pengajaran dan pembelajaran termasuk nisbah komputer:tenaga pengajar;
- (iv) Bilangan dewan kuliah/seminar/persidangan;
- (v) Kemudahan klinikal dan lokasinya – bagi program perubatan, pergigian, farmasi dsb termasuk:

- (a) Hospital pengajaran yang diiktiraf;
 - (b) Kemudahan fizikal/pesakit yang digunakan untuk pengajaran seperti bilangan katil, bilangan pesakit dalam setahun dan bilangan pesakit luar dalam setahun; dan
 - (c) Bilangan perkhidmatan pengkhususan seperti bilangan makmal dan jumlah peruntukan tahunan yang diterima.
- (vi) Kemudahan penyelidikan yang disediakan oleh institusi dan;
- (vii) Kemudahan Perpustakaan dan sumber maklumat seperti:
- (a) Kemudahan pusat sumber – peruntukan tahunan;
 - (b) Kemudahan peringkat Fakulti/Jabatan;
 - (c) Bilangan tajuk buku dan jurnal;
 - (d) Kemudahan sumber-sumber data, CD Rom, Internet;
 - (e) Kemudahan persidangan video.

Pengiktirafan Oleh Badan Profesional

24. Jika berkaitan nyatakan sama ada pihak Badan Profesional telah mengiktiraf kelayakan ini. Jika belum nyatakan samada permohonan telah dibuat.

25. Hubungan Dengan Institusi Lain

Nyatakan sama ada terdapat hubungan dengan institusi lain dalam penawaran kursus ini.

**Bahagian Latihan
Jabatan Perkhidmatan Awam,
Malaysia**

Tarikh: 1 November 2001